

# 'Negara kita tetap utuh'

## Tak akan dikuasai komunis — Dr. M

**KOTA BHARU, Jumaat** — Malaysia tidak akan senasib seperti Afghanistan atau Yaman Selatan yang kini ditakluki komunis, sebaliknya menjadi sebuah negara Islam yang mampu mengalahkan komunis.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang memberi jaminan ini dengan suara lantang menegaskan Malaysia mampu memperlengkapkan tenteranya dengan senjata-senjata modern bagi ketahanan negara dan menjamin kemajuan yang dinikmati hasil dari titik peluh rakyat dan Kerajaan tidak terjejas.

Berucap merasmikan kursus kepimpinan untuk para pemimpin masyarakat anjuran Jabatan Pencerahan di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terselamat dari ancaman komunis sekiranya "kita berpegang teguh pada ajaran Islam."

Bellau lalu mengingatkan rakyat

### Oleh NASHRULADIN RAHMAN

supaya berwaspada terhadap golongan tertentu yang selalu berbicara tentang Islam kerana tidaklah mustahil bagi golongan ini menjadi komunis.

"Peristiwa di Afghanistan membuktikan bahawa terdapat penganut Islam yang teguh menjadi Marxist apabila diperintah oleh komunis," tegas beliau.

"Malah ada pemimpin parti pembangkang di negara ini melaungkan perjuangannya menegakkan Islam tetapi nada perjuangannya adalah sama dengan ideologi yang disebarkan oleh radio revolusi komunis," katanya lagi.

### Jauh dari Islam

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menyebut parti PAS dan berkata PAS jauh sekali dari Islam kerana ajaran PAS dan Islam tidak sesuai disebabkan terdapat perbezaan.

Katanya, PAS hanya memperalatkan Islam sebagai modal bukan untuk benar-benar memperjuangkannya tetapi semata-mata untuk kepentingan sendiri.

Menurut beliau, sebagai pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab, mereka harus membuatkan keadaan ini kerana masyarakat Melayu akan maju sekiranya mereka mengamalkan nilai-nilai hidup ajaran Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata ba-

kal pengganti Datuk Asri yang merupakan seorang wartawan terkenal telahpun menjelaskan bahawa persaudaraan antara umat Islam tidak perlu kerana ini tidak akan berjaya mempertahankan negara ini dari ancaman komunis.

"Malah Datuk Asri sendiri pernah berkata bahawa beliau percaya Teori Domino dan negara ini akhirnya akan diperintah oleh komunis," tambah beliau.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, parti tersebut berpendapat kemajuan ekonomi tidak perlu dan bertakwa kepada Allah sahaja sudah memadai.

Bellau menegaskan bahawa nilai-nilai buruk seperti ini haruslah dihapuskan kerana kekuatan masyarakat Islam bergantung kepada perpaduannya.

Kata beliau, ketika diperintah selama 15 tahun oleh PAS, Kelantan tidak langsung mencapai sebarang kemajuan kerana mereka berpendapat Kelantan masih ditutup kepada orang luar.

Tetapi tindakan itu menyebabkan ramai rakyat negeri ini menganggur kerana tidak mendapat peluang pekerjaan.

"Alibatnya beribu-ribu rakyat Kelantan terpaksa berhijrah ke negeri-negeri lain seperti Trengganu, Kedah, Selangor, Pahang dan Singapura untuk mencari nafkah.

"Setakat ini, apa yang diketahui ialah lebih 30,000 orang Kelantan berada di Singapura akibat penderitaan yang ditanggung di bawah pemerintahan Kerajaan PAS dulu," tambah beliau.